

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23 MARCH 2017

Dr. Mahathir gelar Kit Siang rasis – Raja Petra

UM - 23/3/2017

KUALA LUMPUR 22 Mac - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menggelar Penasihat DAP, Lim Kit Siang sebagai rasis dan diktator selama lebih daripada 30 tahun namun sehingga kini tiada apa-apa tindakan yang diambil oleh Kit Siang.

Penganalisis politik, Raja Petra Kamarudin berkata, sebaliknya, Kit Siang bertindak sensitif apabila Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa mengulangi kata-kata yang sama, baru-baru ini.

Selain itu, katanya, Kit Siang juga telah berkali-kali memanggil Dr. Mahathir kejam, rasis, pencuri dan penipu dalam tempoh yang sama namun hal ini tidak pernah menjadi masalah pada masa lalu kerana DAP hanya mengambil berat mengenai undi kaum Cina sahaja.

“Bagaimanapun, hari ini, Kit Siang terlalu sensitif digelar rasis dan diktator kerana Pakatan Harapan yang diterajui DAP memerlukan undi Melayu untuk mara ke Putrajaya,” katanya melalui por-

tal *Malaysia Today*, <http://www.malaysia-today.net> hari ini.

Raja Petra berkata, amat membayangkan apabila Kit Siang begitu terasa dengan ‘serangan’ daripada Annuar sedangkan beliau dan Dr. Mahathir telah memperkatakan perkara buruk terhadap satu sama lain selama beberapa dekad.

“Apabila Kit Siang bercakap mengenai Dr. Mahathir, beliau menggunakan terma ‘negara gagal’, ‘polis negeri’, ‘zalim’, ‘hegemoni’, ‘kleptokrasi’ dalam ayat yang sama. Kit Siang juga pernah menyelar Dr. Mahathir kerana memegang kuasa untuk sekian lama dan enggan meletak jawatan,” ujarnya.

Malah sebelum ini, sejak 30 tahun yang lalu, kata Raja Petra, DAP juga tidak pernah kecewa



RAJA PETRA KAMARUDIN

apabila dilabel sebagai sebuah parti tidak demokratik.

“Bagaimanapun, Kit Siang enggan membawa Dr. Mahathir ke mahkamah walaupun Dr. Mahathir telah katakan perkara yang lebih buruk mengenai beliau dan begitu juga sebaliknya. Jika Kit Siang tidak gembira

tentang itu, beliau perlu menyaman Dr. Mahathir kerana bekas Perdana Menteri itu tidak pernah menarik balik dakwaannya atau memohon maaf.

“Adakah Kit Siang masih mahu menangkap bekas Perdana Menteri itu jika Pakatan Harapan mendapat kuasa seperti yang dijanjikan? Jika tidak, Kit Siang perlu memberitahu pengundi bahawa DAP telah memberikan Dr. Mahathir pengampunan daripada semua kesalahan selama ini,” katanya.